

TPPA tidak kurangkan jumlah pekerjaan

KUALA LUMPUR - Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) jika ditandatangani Malaysia tidak akan menyebabkan ramai rakyatnya kehilangan pekerjaan seperti yang diwar-warkan segelintir pihak.

Pakar ekonomi yang juga Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali (**gambar**) berkata, perjanjian itu sebaliknya akan menambah lebih banyak peluang pekerjaan kerana jumlah pelaburan di Malaysia



bakal meningkat.

“Apabila Malaysia dilihat sebagai destinasi pelaburan bernilai tinggi oleh pelabur maka peluang pekerjaan akan bertambah. Apabila pasaran eksport jadi lebih terbuka, lebih banyak produk perlu dihasilkan dan

Malaysia bakal menawarkan lebih peluang pekerjaan.

“Oleh itu saya musykil bagaimana dikatakan TPPA akan menyebabkan ramai rakyat Malaysia akan hilang pekerjaan,” katanya pada satu sidang

akhbar di sini semalam.

Beliau mengulas pandangan ahli ekonomi, Prof. Jomo Kwame Sundaram baru-baru ini bahawa TPPA akan melebarkan jurang ketidaksamaan dan meningkatkan jumlah kehilangan pekerjaan sepanjang 10 tahun dalam kalangan negara anggotanya.

Noor Azlan yang juga Ketua Kluster Ekonomi dan Pengurusan Majlis Profesor Negara bagaimanapun tidak menolak kemungkinan berlaku pengurangan ke atas keperluan tenaga kerja kurang mahir yang kini didominasi pekerja asing.